

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH

TARIKH : 7 MEI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 84

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengenai 'Vision Zero Plan' telah membantu pelbagai negara mengurangkan kemalangan jalan raya, apakah komitmen Kementerian dalam mengikuti langkah terbabit.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, *Vision Zero Plan* telah mula digunakan di Sweden pada tahun 1997, dan ianya merupakan satu strategi untuk mengelakkan kecederaan dan kematian akibat kemalangan jalan raya bagi meningkatkan tahap keselamatan dan kesejahteraan semua. Pelan ini memberikan fokus kepada sistem keselamatan jalan raya yang holistik dengan mengambil kira kesilapan manusia dan tidak hanya tertumpu kepada perubahan tingkah laku pengguna jalan raya sahaja.
2. Dengan mengambil kira pendekatan yang digunakan oleh *Vision Zero Plan* dan Tindakan Sedekad Global Bagi Keselamatan Jalan Raya 2010-2020, kerangka "Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014-2020" yang dibangunkan juga merangkumi tonggak-tonggak strategik berikut:
 - Pengurusan Keselamatan Jalan Raya;
 - Mobiliti dan Jalan Raya yang Lebih Selamat;
 - Kenderaan yang Lebih Selamat;
 - Pengguna Jalan Raya yang Lebih Selamat; dan
 - Pengurusan Pasca Kemalangan
3. Berdasarkan perbandingan statistik kematian akibat kemalangan jalan raya pada tahun 2016 (7,152 kematian), tahun 2017 (6,740 kematian) dan tahun 2018 (6,284 kematian), menunjukkan terdapat penurunan dari segi kadar kematian akibat kemalangan jalan raya. Justeru, angka ini telah menyumbang kepada penurunan

NO. SOALAN: 84

indeks kematian iaitu daripada 2.59 (2016), kepada 2.34 (2017) dan 2.10 (2018). Dengan usaha yang berterusan, Malaysia akan dapat mencapai sasaran indeks yang telah ditetapkan iaitu 2.00 pada tahun 2020.

4. Antara program utama berkaitan *Vision Zero* yang telah dijalankan ialah Program Penilaian Jalan Raya melalui *Internasional Road Assessment Program* (iRAP), Program Penilaian Kereta Baharu untuk Asia Tenggara (ASEAN NCAP), penguatkuasaan halaju kenderaan melalui *Automated Awareness Safety System* (AwAS) dan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) .
5. Program-program seumpama ini turut dilaksanakan di negara-negara lain dan ianya adalah selari dengan usaha di peringkat global ke arah mencapai sifar kematian dan kecederaan di jalan raya.

Sekian, terima kasih.